

30 JAN 1999

Mustapa-pelabur

KERAJAAN YAKIN PELABUR ASING KEKAL DI MALAYSIA

KOTA BAHARU, 30 Jan (Bernama) -- Kerajaan yakin majoriti pelabur asing, yang kini memiliki antara 20 dan 23 peratus daripada RM400 bilion permodalan pasaran negara akan mengekalkan modal masing-masing di Malaysia, selepas tamatnya langkah kawalan modal, bagi tempoh setahun yang berakhir 1 Sept ini.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata keyakinan itu dibuat berdasarkan kedudukan pelabur asing itu, yang kebanyakannya terdiri daripada pelabur jangka panjang, yang telah melabur di negara ini sejak sekian lam.

Melalui langkah kawalan modal ini, Bank Negara mensyaratkan pegangan 12 bulan dikenakan terhadap pelaburan portfolio, di bawah kawalan tukaran wang mulai 1 Sept 1998, yang bertujuan menstabilkan pasaran.

Mustapa berkata berdasarkan tanda-tanda pemulihan ekonomi negara dan Malaysia merupakan antara pusat pelaburan yang terbaik di rantau ini, pelabur asing tidak mungkin akan membawa keluar modal masing-masing.

Mustapa berkata demikian bagi mengulas laporan majalah "Time" keluaran Februari ini yang menyatakan bahawa berdasarkan suasana sekarang sebanyak 90 peratus daripada jangkaan AS\$7 bilion hingga AS\$10 bilion dana portfolio asing yang "terperangkap" di Malaysia akan dibawa keluar selepas 1 Sept ini.

Mustapa berkata sekiranya belaku aliran keluar modal ianya tidak akan mencecah sehingga 90 paratus, tetapi sebaliknya dalam jumlah yang kecil.

"Kita tidak fikir begitu, saya berpendapat angka ini amat tinggi, mungkin ada yang akan keluar tetapi angkanya mungkin tidak setinggi ini," katanya

Ditanya mengenai kemungkinan Malaysia memperkenalkan sistem cukai keluar bagi membolehkan pelabur asing membawa pulang modal lebih awal daripada yang dibenarkan sekarang, beliau berkata keputusan mengenainya belum dibuat.

"Kita tak tahu, kita telah memulakan kajian (cukai keluar) sejak sebulan lalu dan kita masih lagi mengkaji. Kita tidak akan buat sebarang keputusan mengenainya lagi dan kita tak tahu bila kajian itu akan siap," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Isnin lepas berkata kerajaan menimbangakan kemungkinan memperkenalkan sistem cukai keluar itu dan beberapa penyesuaian sedang dibuat dan akan diumumkan pada masa yang sesuai.

Mustapa juga berkata kerajaan kini memberi keutamaan kepada usaha menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara dengan lebih pantas, termasuk usaha membawa masuk lebih banyak pelabur asing.

-- BERNAMA

RAR RI